



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

#### **KEMPEN JOM BERAYA JOM MENYIMPAN SSPN 2021 TAWAR HADIAH TUNAI HAMPIR RM200,000**

1. Sempena 1 Syawal yang akan tiba tidak lama lagi, PTPTN menganjurkan **Kempen Jom Beraya Jom Menyimpan SSPN 2021** bagi memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan norma baharu. Kempen ini mencerminkan keprihatinan PTPTN kepada rakyat Malaysia untuk sentiasa mengutamakan simpanan semasa musim perayaan. Kempen ini telah dilancarkan oleh Datuk Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN pada hari ini di *Facebook* PTPTN*Official*.
2. Melalui kempen ini, PTPTN menawarkan hadiah Duit Raya yang sangat lumayan iaitu **wang tunai hampir RM200,000 untuk 500 pemenang**. Hadiah utama yang ditawarkan ialah Duit Raya berjumlah RM8,000 bagi Cabutan Peringkat Nasional, manakala Duit Raya bernilai RM5,000 adalah Hadiah Utama bagi Cabutan Peringkat Negeri. Kempen ini dilaksanakan selama sebulan bermula **1 Mei 2021 hingga 31 Mei 2021**.
3. Pendeposit SSPN yang menyertai kempen ini bukan sahaja berpeluang untuk memenangi hadiah lumayan, malah akan menikmati pelbagai keistimewaan SSPN seperti pemberian **dividen yang kompetitif, perlindungan takaful dan pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun**.
4. Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, “Justeru, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk merebut dan tidak melepaskan peluang ini! Dengan simpanan bersih serendah RM100 dalam tempoh promosi, anda layak mendapat satu (1) cabutan Peringkat Negeri. Manakala bagi simpanan bersih serendah RM300 dalam tempoh promosi, anda akan layak menyertai Cabutan Peringkat Nasional. Oleh itu, jangan bertanggung lagi! Mungkin anda pemenang yang kami cari.” Dalam keadaan norma baharu, pembukaan dan penambahan simpanan SSPN boleh dibuat dengan mudah secara atas talian di [www.lovesspn.com](http://www.lovesspn.com).
5. Dalam pada itu, Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid berkata, “Budaya mendapat duit raya pastinya menjadi momen indah yang sentiasa dinantikan oleh anak-anak kita apabila tiba hari raya. Sebagai ibu bapa, kita hendaklah

memupuk ilmu tentang simpanan dari awal lagi agar mereka peka dan bijak menguruskan wang sekaligus celik dalam merancang kewangan apabila dewasa kelak.”

6. PTPTN berharap kempen ini akan dapat menyuntik motivasi kepada masyarakat untuk terus membuat penabungan sekali gus dapat memeriahkan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara semua kaum di Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen Jom Beraya Jom Menyimpan SSPN 2021 layari portal [www.lovespn.com](http://www.lovespn.com).

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**3 Mei 2021**